



PERTAHAN HAK... Salah seorang pemilik tanah di Kampung Baru menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 pada satu majlis pertemuan dan dialog yang diadakan di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, kelmarin.

Sepakat tolak KLCP 2020

Oleh SITI KHAIRULNISAH
MOHAMMED BAJURI

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Penduduk Kampung Baru di sini sepakat untuk menolak Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCP) 2020 yang dirangka dan kini dibuka untuk bantahan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Penduduk yang menghuni kawasan yang menjadi ikon penempatan orang Melayu di tengah ibu negara itu mendakwa hak mereka diketepikan oleh DBKL dalam merangka draf pelan tersebut.

Kata sepakat itu dicapai dalam pertemuan yang dihadiri oleh kira-kira 200 pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru di sini semalam.

Pertemuan anjuran Ahli Parlimen Titiwangsa, Dr. Lo' Lo' Mohd. Ghazali itu turut dihadiri oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Dalam pertemuan yang berlangsung dalam suasana yang 'panas' itu, antara isu yang dibangkitkan semasa sesi dialog ialah mengenai status pemilik tanah Kampung Baru, Pasar Minggu yang akan ditutup oleh DBKL dan rasa ketidakpuasan hati penduduk terhadap DBKL terhadap isu tanah kawasan itu.

"Saya tidak mahu tanah di Kampung Baru diambil oleh DBKL kerana itu hak kami dan lambang orang Melayu. Saya tidak mahu tanah ini tergadai, saya sayang tanah saya.

"Apa gunanya status kami sebagai pemilik asal dan pewaris tanah di sini, kenapa tanah kami DBKL kacau dan mana hak kami sebagai pemilik," luah seorang penduduk, Abd. Rahman Amin dalam sesi dialog itu.


Beliau juga tidak berpuas hati dengan cara penerangan oleh DBKL berhubung isu tanah Kampung Baru yang disifatkannya sebagai mengelirukan para penduduk Kampung Baru.

Katanya, penerangan yang diberikan tidak jelas menyebabkan penduduk keliru dan tidak faham tentang perkara yang hendak disampaikan oleh DBKL kepada mereka.

"DBKL bagaikan menyisihkan hak kami sebagai pewaris dan pemilik tanah di Kampung Baru ini. Akibatnya dengan nada suara yang tinggi.

Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur disifatkan sebagai kawasan segi tiga emas kerana tanahnya kini bernilai tinggi.

Namun, selain isu pemilikan individu dan pecahan lot yang kecil, terdapat beberapa masalah lain dalam membangunkan kawasan itu termasuk sebahagian kawasan



PENGERUSI Bersama Pasukan Petugas Tanah Selangor, Profesor Nik Mohd. Zin menunjukkan antara undang-undang yang akan dirujuk dalam mengemukakan bantahan terhadap Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.



TUMPU... Penduduk Kampung Baru yang hadir menumpukan sepenuh perhatian kepada dialog.

itu adalah milik kerajaan negeri Selangor manakala sebahagian lagi di bawah seliaan DBKL.

Penduduk berkata, Kampung Baru me-

upakan tanah rizab Melayu mengikut Seksyen 6 Enakmen Tanah 1867 dan sehingga sekarang tidak pernah dimansuhkan.

"Pembangunan Kampung Baru perlu dibuat secara berperingkat-peringkat dengan mengekalkan budaya orang Melayu kerana kami tidak mahu terjadi seperti di Kampung Abdullah Hukum," kata Shahrudin Hamid pula.

Katanya, penduduk tidak mahu tanah mereka jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab kerana jika perkara itu berlaku dan dibiarkan berterusan tanpa dibendung, akhirnya semua tanah di situ akan tergadai begitu sahaja.

Dia yang mewakili generasi muda penduduk jati Kampung Baru itu berkata, pembangunan di Kampung Baru sangat diperlukan tetapi pelaksanaannya perlu mengekalkan budaya Melayu supaya ia tidak lenyap ditelan masa dan pembangunan.

Sesi dialog yang berlangsung selama hampir tiga jam itu menjadi semakin panas apabila ramai penduduk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap perancangan yang dicadangkan oleh DBKL menerusi KLCP 2020.

Isu penduduk Pasar Minggu Kampung Baru yang diarahkan oleh DBKL supaya berpindah turut menjadi isu hangat dalam sesi dialog itu.

Wakil peniaga Pasar Minggu itu, Rahman Omar berkata, DBKL mengarahkan penduduk pasar minggu itu berpindah dan pasar itu akan dihapuskan sedangkan tanah itu adalah milik kerajaan Selangor.

"Apa yang menjadi masalah di sini ialah mengapa DBKL hendak kacau kawasan itu yang bukan hak milik mereka," katanya.

Sebelum ini, DBKL memberikan notis kedua kepada penghuni pasar minggu itu supaya meninggalkan premis mereka sebelum 20 Jun lalu atau tidak akan diberikan sebarang ganti rugi apabila operasi merobohkan dilaksanakan kelak.

Tambah Rahman lagi, para peniaga di situ akan kehilangan mata pencarian jika berpindah ke kawasan lain seperti yang diarahkan oleh DBKL.

Sementara itu, selepas mendengar pelbagai luahan rasa oleh penduduk Kampung Baru, Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri akan membantu mereka menjalankan penyelidikan.

Katanya, penyelidikan yang akan dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dengan diketuai oleh Dr. Lo' Lo' itu penting untuk mendapatkan fakta sebenar tentang semua dakwaan penduduk.

"Kerajaan Selangor akan memperuntukkan sebanyak RM50,000 untuk kajian itu seterusnya membuat kertas cadangan bagi membantah Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.

"Saya mahu jawatankuasa penyelidikan itu turut terdiri daripada pewaris dan pemilik tanah di Kampung Baru ini sendiri," tambah beliau.